

Publication	Kosmo!	Section /Page No.	Niaga/ Pg. 52
Date	Wed, 19th Apr 2017	Lead Article	No
Headline	Usahawan Bumiputera Terlibat Eksport Masih Sedikit		

Usahawan bumiputera terlibat eksport masih sedikit



KUALA LUMPUR - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) mendedahkan hanya 10.13 peratus daripada 5,797 usahawan bumiputera yang berdaftar dengannya untuk menceburi bidang eksport.

Sambil menyifatkan jumlah itu amat kecil, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Matrade,

USAHAWAN bumiputera perlu merebut peluang program yang disediakan pelbagai pihak untuk bersaing di peringkat antarabangsa. - Gambar hiasan

Sharimahton Mat Salleh berkata, peratusan itu perlu ditingkatkan untuk menggalakkan pertumbuhan eksport negara pada tahun ini.

"Usahawan perlu lebih berdaya saing dan memajukan perniagaan dengan memasarkan produk ke luar negara.

"Kita juga menggalakkan usahawan bumiputera merebut peluang melalui usaha dan program yang disediakan oleh pelbagai agensi termasuk Matrade," katanya pada sidang akhbar Meningkatkan Penglibatan Bumiputera dalam Eksport bersempena Pameran Memacu

Agenda Bumiputera 2017 di sini semalam.

Sharimahton berkata, peluang untuk berniaga secara global kini amat luas berikutan kewujudan platform digital dan pemeteraian perjanjian perdagangan bebas yang dapat meningkatkan akses perniagaan tempatan ke serata dunia.

"Negara memerlukan lebih ramai pengeksport dalam kalangan bumiputera untuk meningkatkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana daripada 17.8 peratus kepada 23 peratus menjelang tahun 2020," katanya. - Bernama